



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
SEMENANJUNG MALAYSIA
(LAND SURVEYORS BOARD)**

RUJUKAN TUAN :

RUJUKAN KAMI : LJT 6 Pt.7/(16)

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

NO. 2735 TINGKAT SATU
JALAN PERMATA EMPAT
TAMAN PERMATA ULU KELANG
53300 KUALA LUMPUR
Tel : 03-41085191
Fax : 03-41085178

Semua Jurukur Tanah Berlesen

Tuan,

PEKELILING LEMBAGA JURUUKUR TANAH BIL. 6/2000

**BAYARAN KEMAJUAN 81% MAKSIMUM BAGI KERJA UKURAN
HAKMILIK (TANAH, STRATA DAN STRATUM)**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menetapkan peraturan pembayaran kemajuan 81% maksimum bagi kerja ukuran hakmilik (tanah, strata dan stratum).

2. LATAR BELAKANG

Lembaga Jurukur Tanah (LJT) membuat bayaran kemajuan 81% maksimum kepada Juruukur Tanah Berlesen (JUBL) setelah Pelan Akui dan dokumen-dokumen kerja berkaitan didepositkan dengan JUPEM Negeri.

Walaupun bagaimanapun mengikut amalan sekarang, bayaran tersebut dibuat tanpa mendapatkan perakuan daripada JUPEM Negeri bahawa Pelan Akui dan dokumen-dokumen kerja berkaitan telahpun didepositkan.

Akibat daripada itu, jumlah kerja-kerja yang telah dibuat pembayar kemajuan 81% maksimum tetapi Pelan Akui dan dokumen-dokumen kerja berkaitan masih belum dikemukakan kepada JUPEM Negeri semakin meningkat. Keadaan ini turut menyukarkan pihak LJT untuk memantau kemajuan kerja-kerja tersebut.

3. PROSIDUR PEMBAYARAN

Dengan penguatkuasaan Pekeliling ini, bayaran kemajuan 81% maksimum akan hanya dibuat oleh LJT bagi kerja yang mana Pelan Akui dan dokumen-dokumen kerja berkaitan telah didepositkan dengan JUPEM Negeri. Oleh yang demikian, JUBL dikehendaki mengemukakan bersama pengesahan oleh JUPEM Negeri bahawa Pelan Akui dan dokumen-dokumen kerja berkaitan telah pun didepositkan semasa membuat tuntutan bayaran kemajuan 81% maksimum kepada LJT.


4. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"



(HAMID BIN ALI, KMN, PMC, PJC)

Pengerusi
Lembaga Juruukur Tanah
Semenanjung Malaysia